

Friendship Concert 30 Mac ini

FRIENDSHIP
Concert 2019:
A Celebration
of Voices akan di-
adakan pada 30
Mac bertempat di
Dewan Resital UMS
Universiti Malaysia
Sabah (UMS).

Konsert tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan kumpulan-kumpulan koir di Sabah serta menjulang martabat nyanyian koir di Sabah.

Menurut kenyataan itu, konsert itu merupakan konsert koir yang dianjurkan bersama oleh Adsonne Matthew Mitty Gabu daripada In Unity Chorale (IUC), Lesley George daripada The Male-Efficient (TME), dan juga Hezron Gulon daripada Koir Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), dengan kerjasama Dr. Ian Baxter, ketua Program Muzik di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), UMS.

Konsert yang akan bermula pada 7.30 malam itu nanti akan menampilkan tiga kumpulan koir iaitu IUC yang telah mewakili Malaysia ke Filipina untuk Budayaw Festival - 2017 BIMP-EAGA Festival of Cultures, TME (pemenang dua pingat emas dalam kategori Koir Lelaki dan Pop & Jazz, 7th Bali International Choir Festi-



Adsonne



Hezron



Lesley

val 2018 di Bali, Indonesia) dan DBKK (pemenang pingat perak dalam 16th Malaysian Choral Eisteddfod 2018 - International Choral Festival di Kuala Lumpur) bakal mempersembahkan lagu-lagu terdiri daripada pelbagai genre seperti lagu rakyat, klasikal, pop antara lain.

Selain itu, kumpulan koir UMS Ensemble di bawah pimpinan Adsonne Matthew juga bakal menyerikan lagi konsert itu.

Penampilan khas oleh bakat-bakat daripada Ging Karas seperti Keewon, Carl Evert dan Joe Japrin juga akan memeriahkan lagi konsert pada malam itu nanti.

Sebarang pertanyaan mengenai konsert tersebut boleh berhubung dengan Adsonne Matthew (016-8400576), Lesley George (019-8014284) dan juga Hezron Gulon (014-5586419).



UMS Ensemble



ADSONNE (kedua dari kanan) bersama bakat-bakat Ging Karas iaitu Keewon (kedua dari kiri), Carl Evert (kanan) dan Joe Japrin (kiri).